

Headline	Tabung Haji jual bangunan RM1.16 bilion di London		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	171,663
Page No	17	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	534 cm <sup>2</sup>
Journalist	FADZIL ZAINOL	AdValue	RM 10,651
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,953



# Tabung Haji jual bangunan RM1.16 bilion di London

Oleh **FADZIL ZAINOL**  
 f.zainol@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 MEI

**L**EMBAGA Tabung Haji (Tabung Haji) bersedia melepaskan pemilikan bangunan 10 Queen Street Place di London, United Kingdom (UK) jika ada tawaran menarik yang memberi faedah kepada entiti tersebut.

Menurut Tabung Haji, pelaburan hartanah merupakan sebahagian daripada aktiviti perniagaan mengikut peruntukan aset-aset strategiknya.

"Setiap peluang yang ada akan dinilai, dan penilaian itu bukan membabitkan penjualan



bangunan di Queen Street Place sahaja.

"Kami hanya akan mempertimbangkan penjualan aset ini jika terdapat tawaran menarik yang memberi faedah kepada Tabung Haji," katanya

dalam kenyataan di sini hari ini.

Tabung Haji mengulas laporan agensi berita asing bahawa dana haji itu merancang untuk menjual bangunan yang menjadi ibu pejabat firma guaman King & Wood Mallesons pada harga 200 juta pound (RM1.16 bilion).

Bank pelaburan Gatehouse Bank Plc yang mengusulkan beberapa aset hartanah milik Tabung Haji juga dilaporkan telah melantik syarikat broker hartanah Savills Plc untuk mencari pembeli

bangunan tersebut.

Jurucakap Gatehouse bagaimanapun enggan memberi maklum balas mengenai laporan tersebut dan Savills Plc juga tidak mahu memberi sebarang komen. Berdasarkan kenyataan oleh Gatehouse Bank sebelum ini, Tabung Haji telah membelanjakan 165 juta pound (RM957 juta) untuk membeli bangunan di London berkenaan pada 2012.

Beberapa syarikat pelaburan milik kerajaan termasuk Tabung Haji mula dilihat menjual aset-aset mereka khususnya di UK sebagai menyalurkan modal ke pasaran modal dan kewangan tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada September 2015 mengumumkan

Langkah-langkah Proaktif Ekonomi bagi merancakkan kembali pasaran tempatan. Langkah-langkah itu turut membabitkan saranan terhadap syarikat-syarikat pengurus dana tempatan untuk membawa pulang hasil pelaburan mereka di negara asing.

Tabung Haji menjangka akan membawa pulang RM1 bilion daripada pelaburan hartanahnya di luar negara. Malah, tumpuan juga akan dibenarkan kepada hartanah domestik berdasarkan peruntukan aset sekitar RM3.5 bilion, menurut Tabung Haji.

Pada November 2015, Tabung Haji juga telah menjual 151 Buckingham Palace Road juga di London dengan nilai 250 juta pound (RM1.45 bilion) yang dilihat mengikut saranan kerajaan untuk membawa pulang pelaburannya.



Gatehouse Bank Plc dilaporkan telah melantik Savills Plc untuk mencari pembeli

Bangunan 10 Queen Street Place di London dibeli Tabung Haji pada 2012 bernilai **165 juta pound**

Satu bangunan Tabung Haji di London pada harga **250 juta pound pada 2015**

Bangunan itu kini dijual pada harga **200 juta pound**